

PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM DOKTOR FALSAFAH KAEDAH INDUSTRI

KANDUNGAN

1. PENGENALAN
2. DEFINISI
3. PANDUAN PELAKSANAAN
 - 3.1. SYARAT KEMASUKAN
 - 3.2. LAIN-LAIN SYARAT
 - 3.3. STRUKTUR PROGRAM DAN PENILAIAN
 - 3.4. KERTAS KERJA KONSEP
 - 3.5. SEMINAR/ KOLOKIUUM
 - 3.6. PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN
 - 3.7. KELAYAKAN DAN LANTIKAN PENYELIA, PENYELIA BERSAMA LUAR DAN PENYELIA LAPANGAN
 - 3.8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI
 - 3.9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA UTAMA, PENYELIA BERSAMA LUAR DAN PENYELIA LAPANGAN
 - 3.10. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR
 - 3.11. PENUKARAN KAEDAH PENGAJIAN
 - 3.12. PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN
4. URUSAN PENYELIDIKAN
5. PEPERIKSAAN
6. SYARAT GRADUAN

1. PENGENALAN

- 1.1. Dokumen ini adalah sebagai panduan bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah melalui kaedah industri.
- 1.2. Kaedah ini melibatkan penggunaan data yang sedia ada yang terdapat di lokasi industri. Calon pelajar tidak layak untuk memohon sekiranya tidak mempunyai data sedia ada. Ketersediaan data ini perlu dinyatakan dengan jelas dalam portfolio yang dihantar semasa permohonan dan akan dinilai dalam penilaian dalaman rapi.
- 1.3. Kaedah ini terbuka untuk pelajar tempatan secara sepenuh masa dan separuh masa dan antarabangsa secara sepenuh masa sahaja.
- 1.4. Kaedah ini juga sesuai ditawarkan untuk pelajar dalam bidang atau tanpa kelayakan dalam bidang. Calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang perlu lulus kursus prasyarat sebelum memulakan pengajian.
- 1.5. Elemen novelti penyelidikan boleh dinilai menerusi penyelidikan yang menggunakan metodologi yang boleh meningkatkan mutu pengeluaran dari lima (5) aspek berikut:
 - a. Penjimatan masa
 - b. Penjimatan kos
 - c. Mempunyai nilai komersial yang tinggi
 - d. Pengurangan risiko
 - e. *Sustainable Development Goal (SDG)*
- 1.6. Penyelia Utama, Penyelia Bersama Luar, Penyelia Lapangan, Pengajar-pengajar Kursus Metodologi Berstruktur, Pemeriksa Dalaman dan Pemeriksa Lapangan perlu mematuhi semua terma yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Tidak Boleh Dedah (*Non-Disclosure Agreement, NDA*) antara Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan industri yang terlibat. Perjanjian ini perlu ditandatangani dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pendaftaran pelajar.
- 1.7. Fakulti/Pusat mempunyai autonomi untuk menentukan kriteria-kriteria tambahan berdasarkan Program Standard (sekiranya ada) atau lain-lain kriteria yang diperlukan seterusnya meluluskan permohonan calon pelajar di bawah kaedah ini. Kriteria-kriteria tambahan ini perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Pengajian Siswazah Universiti (MPSU).

2. DEFINISI

2.1. **Industri**

Lokasi berlakunya aktiviti ekonomi yang merangkumi sektor-sektor seperti pengumpulan bahan mentah (pertanian dan perlombongan), pembinaan dan penghasilan, perkhidmatan (undang-undang dan ubat-ubatan) dan pengetahuan (penyelidikan). Industri boleh dikategorikan di bawah syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Agensi-agensi Kerajaan, Organisasi Bukan Kerajaan (*Non-Government Organization, NGO*), badan swasta, mana-mana syarikat yang mempunyai komposisi 50-peratus kerajaan.

2.2. **Kursus Metodologi Penyelidikan Berstruktur**

Kursus Metodologi Penyelidikan yang telah dipecahkan kepada lima (5) kursus individu yang disampaikan secara berstruktur pada semester-semester yang tertentu. Pelajar dibenarkan mendapat pengecualian untuk semua kursus Metodologi Penyelidikan Berstruktur sekiranya telah lulus kursus Metodologi Penyelidikan di peringkat Sarjana Mod Penyelidikan sahaja.

2.3. **Kertas Kerja Konsep (*Conceptual Defense*)**

Satu sesi penilaian lisan di mana pelajar dikehendaki membentangkan skop penyelidikan kepada Panel Pemeriksa dan Panel Pemeriksa Lapangan. Ia bertujuan untuk melihat kepentingan kesesuaian/ *significance* skop penyelidikan yang dibentuk daripada masalah/ isu teknikal yang berlaku di lokasi industri pada tahap Doktor Falsafah.

2.4. **Panel Pemeriksa Lapangan**

Individu yang dilantik di kalangan pihak industri untuk memeriksa disertasi/ tesis pelajar program penyelidikan di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah.

3. PANDUAN PELAKSANAAN

3.1. SYARAT KEMASUKAN

- a. Calon pelajar mesti memenuhi syarat kelayakan masuk seperti yang tertera dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang terkini.
- b. Calon pelajar perlu mempunyai kemampuan melaksanakan penyelidikan secara sendiri dalam jangka masa lima (5) tahun semasa permohonan dilakukan dan bukti kemampuan perlu diterjemahkan dalam bentuk portfolio.
- c. Penentuan keperluan pengambilan Penyelia Lapangan adalah di bawah tanggungjawab Fakulti bergantung kepada bidang dan keperluan penyelidikan.
- d. Pelajar perlu mengemukakan persetujuan secara bertulis daripada Penyelia Lapangan/ Penyelia Bersama Luar dan kebenaran daripada pemilik makmal/ lokasi industri untuk menjalankan penyelidikan tanpa implikasi kewangan terhadap UMPSA.

3.2. LAIN-LAIN SYARAT

- a. Pelajar perlu lulus lima (5) kursus Metodologi Penyelidikan Berstruktur seperti yang dicadangkan oleh Penyelia Utama sebagai syarat penganugerahan. Pelajar dibenarkan mendapat pengecualian untuk lima (5) kursus Metodologi Penyelidikan Berstruktur sekiranya telah lulus kursus Metodologi Penyelidikan di peringkat Sarjana Mod Penyelidikan sahaja.
- b. Calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang perlu lulus kursus prasyarat sebelum memulakan pengajian seperti yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

3.3. STRUKTUR PROGRAM DAN PENILAIAN

- a. Semua pelajar diwajibkan mendaftar dan lulus semua penilaian seperti dalam **Jadual 1**.
- b. Bagi Doktor Falsafah separuh masa, pelajar diwajibkan mendaftar dan lulus semua penilaian mengikut ketetapan dan prasyarat penilaian dalam tempoh pengajian pelajar separuh masa.
- c. Keputusan penilaian adalah mengikut sistem gred seperti yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

Jadual 1

SEMESTER	KOD DOKTOR FALSAFAH	COURSE / ASSESSMENT NAME	GRED/STATUS	PRASYARAT
1	PIR1211	<i>Research Problem Formulation</i>	HL/TS	
	PID1100	<i>Conceptual Defense</i>	HL/TS	PIR1211
	PIP1100	<i>Progress Report 1</i>	MM/TM	
2	PIR1221	<i>Systematic Review and Methodologies</i>	HL/TS	
	PID1200	<i>Proposal Defense</i>		
	PIP1200	<i>Progress Report 2</i>	MM/TM	
3	PIR2231	<i>Data Interpretation and Analysis</i>		
	PIC2300	<i>Publication of Articles I</i>	HL/TS	
	PIP1300	<i>Progress Report 3</i>	MM/TM	
4	PIR2241	<i>Effective Writing</i>		
	PIC3400	<i>Publication of Articles II</i>	HL/TS	
	PIP1400	<i>Progress Report 4</i>	MM/TM	
5	PIR3251	<i>Thesis Correction and Viva Voce Preparation</i>		
	PID2500	<i>Pre-Examination</i>	HL/TS	PID1200; PIC1300; PIC2300; PIC3400
	PIP1500	<i>Progress Report 5</i>	MM/TM	
6	PID3600	<i>Final Examination</i>	LULUS/GAGAL	PID2500
	PIP1600	<i>Progress Report 6</i>	MM/TM	

*Pelajar wajib mendaftar PIP1*00 Laporan Kemajuan X pada setiap semester kecuali setelah menghantar draf tesis bagi tujuan PID3600 Final Examination

*Dua (2) MyCite = Satu (1) Scopus Jurnal. PIC**00 tidak selesai (TS) jika pelajar tidak memenuhi syarat kesetaraan ini.

*Pelajar wajib mendaftar PIP1*00 Laporan Kemajuan X pada setiap semester kecuali setelah menghantar draf tesis bagi tujuan PID3600 Final Examination

*Dua (2) MyCite = Satu (1) Scopus Jurnal. PIC**00 tidak selesai (TS) jika pelajar tidak memenuhi syarat kesetaraan ini.

3.4. **SEMINAR/ KOLOKIUUM**

- a. Pelajar perlu membentangkan penyelidikan sekurang-kurangnya satu (1) kali di seminar/ kolokium yang dianjurkan di lokasi industri pada semester yang telah ditetapkan di **Jadual 1**.

3.5. **PENILAIAN KERTAS KERJA KONSEP**

- a. Penilaian Kertas Kerja Konsep perlu berlaku pada semester pertama di lokasi industri.
- b. Jawatankuasa Penilaian Kertas Kerja Konsep perlu dianggotai oleh:
 - i. Profesor yang berlainan bidang dari Fakulti/ Pusat yang berbeza sebagai Pengerusi.
 - ii. Penyelia Utama dan Penyelia Lapangan/ Penyelia Bersama Luar.
 - iii. Dua (2) pakar dalaman dan Pemeriksa Lapangan yang diluluskan oleh Fakulti yang merupakan pakar dalam bidang penyelidikan yang berkaitan.
 - iv. Sekretariat.

3.6. **PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN**

- a. Pelajar antarabangsa bertanggungjawab sepenuhnya dalam memenuhi peraturan visa dan imigresen yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia

3.7. **KELAYAKAN DAN LANTIKAN PENYELIA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN**

- a. Calon Penyelia Utama untuk Penyeliaan Program Doktor Falsafah Kaedah Industri mestilah:
 - i. Mempunyai pengalaman bekerja di industri sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan telah menjalani modul latihan yang ditetapkan oleh Institut Pengajian Siswazah (IPS), ATAU
 - ii. mempunyai pengalaman sangkutan sekurang-sekurangnya enam (6) bulan, pernah mempunyai projek perundingan sebagai Ketua/ Ahli di industri dan telah menjalani modul latihan yang telah ditetapkan oleh IPS, ATAU
 - iii. telah menggraduatkan sekurang-kurangnya tiga (3) orang pelajar Doktor Falsafah dengan testimoni yang cemerlang dan telah menjalani modul latihan yang telah ditetapkan oleh IPS.
- b. Calon Penyelia Bersama Dalam/ Luar untuk Penyeliaan Program Doktor Falsafah Kaedah Industri perlu menjalani modul latihan yang telah ditetapkan oleh IPS.
- c. Calon Penyelia Lapangan untuk penyeliaan Program Doktor Falsafah:
 - i. Mestilah memenuhi syarat berdasarkan kelayakan dan syarat lantikan seperti yang tertera di dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah yang terkini dan bergantung kepada kelulusan Fakulti.
 - ii. Boleh dilantik di kalangan rakan sekerja yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.

3.8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI

- a. Fakulti perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar dihantar pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.
- b. Fakulti perlu memastikan pelajar melalui dan lulus Penilaian Kertas Kerja Konsep.
- c. Fakulti bertanggungjawab memastikan pelajar memberikan maklumat berkaitan kemudahan dan peralatan penyelidikan di lokasi penyelidikan.
- d. Fakulti perlu memastikan pelajar hadir secara bersemuka ke lokasi industri secara bersemuka sepenuh masa.

3.9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA UTAMA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN

- a. Penyelia Utama bertanggungjawab dalam memastikan pelajar lulus lima (5) Kursus Metodologi Penyelidikan Berstruktur.
- b. Penyelia Lapangan perlu memastikan pelajar membentangkan penyelidikan di Seminar/ Kolokium yang diadakan di lokasi industri .
- c. Penyelia Utama bertanggungjawab dalam merancang dan menyelia penyelidikan pelajar sesuai dengan keperluan penyelidikan Kaedah Industri. Ini meliputi perancangan Bersemuka dan Bersemuka Elektronik.
- d. Penyelia Bersama Luar atau Penyelia Lapangan mesti memastikan pelajar memberikan bukti kemudahan penyelidikan di lokasi industri.
- e. Penyelia Bersama Luar atau Penyelia Lapangan mesti memastikan kemudahan komunikasi seperti internet, komputer dsb. di lokasi penyelidikan pelajar.
- f. Penyelia Utama perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar dinilai pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.
- g. Penyelia Utama perlu memastikan pelajar lulus penilaian-penilaian yang telah ditetapkan mengikut struktur program (Jadual 1) pada setiap semester.
- h. Penyelia Utama perlu memastikan pelajar melalui dan lulus Penilaian Kertas Kerja Pencalonan.

3.10. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- a. Pelajar perlu lulus lima (5) Kursus Metodologi Penyelidikan Berstruktur.
- b. Pelajar perlu melengkapkan dan lulus semua penilaian seperti di Jadual 1.
- c. Pelajar perlu mengisi kemajuan penyelidikan pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.
- d. Pelajar perlu lulus penilaian Kertas Kerja Konsep.

- e. Pelajar sepenuh masa dan separuh dikehendaki hadir secara fizikal ke lokasi industri pada setiap masa sepanjang tempoh pengajian dan sekiranya perlu menghadirkan diri ke kampus UMP dari masa ke semasa.
- f. Pembentangan seminar/kolokium hendaklah dilakukan di lokasi industri secara bersemuka dan dinilai oleh Pemeriksa Lapangan dan Pemeriksa Dalaman (sekiranya perlu).
- g. Universiti tidak bertanggungjawab terhadap kemalangan yang menimpa pelajar semasa menjalankan kajian di lokasi penyelidikan serta semasa perjalanan ke Universiti selain yang tertakluk di dalam insuran pelajar. Pelajar adalah digalakkan untuk mendapatkan perlindungan insurans peribadi.
- h. Pelajar tertakluk kepada semua peraturan universiti dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) sepanjang tempoh pengajian.

3.11. PERTUKARAN KAEDAH PENGAJIAN

- a. Pertukaran kaedah pengajian dibenarkan satu (1) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.
- b. Pertukaran Kaedah Pengajian Kaedah Industri kepada Konvensional adalah dibenarkan.
- c. Pertukaran Kaedah Pengajian Kaedah Industri kepada Penyelidikan Jarak Jauh adalah dibenarkan tetapi bukan sebaliknya.

3.12. PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN

- a. Pelajar dibenarkan untuk melanjutkan tempoh pengajian Doktor Falsafah seperti Kaedah Konvensional.
- b. Proses permohonan perlanjutan tempoh pengajian perlu dipatuhi seperti yang tercatat di dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

4. URUSAN PENYELIDIKAN

- 4.1. NDA perlu ditandatangani dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pendaftaran pelajar.
- 4.2. Dalam keadaan tertentu, jika penyelia perlu mengesahkan penyelidikan pelajar di luar kampus, UMP tidak akan menanggung kos berkenaan.

5. PEPERIKSAAN

- 5.1. Semua proses dan syarat lulus peperiksaan perlu dipenuhi seperti yang tercatat didalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

6. SYARAT GRADUAN

- 6.1. Pelajar perlu melengkapkan dan lulus semua penilaian seperti di Jadual 1. Bagi penerbitan, untuk menjaga kepentingan industri dan kerahsiaan projek penyelidikan, pelajar Doktor Falsafah Kaedah Industri boleh menerbitkan artikel-artikel yang setara dengan journal berindeks SCOPUS seperti yang dinyatakan dalam buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.
- 6.2. Pelajar telah menjelaskan segala bayaran yuran yang telah ditetapkan.
- 6.3. Maklumat lanjut berkaitan penganugerahan boleh merujuk kepada buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.